



**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,
JABATAN PENDAFTAR,
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH,
26600 PEKAN,
PAHANG DARUL MAKMUR**

Kumpulan Pengurusan dan Profesional

Jumlah Kekosongan Jawatan - **KONTRAK : 1**

Penempatan Jawatan: UNIT INTEGRITI & PEMATUHAN, UMPSA PEKAN

PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L48/L52

Tangga Gaji RM5,166.00 (Minimum) - RM11,695.00 (Maksimum)

1. Warganegara Malaysia;
2. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan memiliki
3. Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau lulus Peperiksaan Akhir Peguam (Bar Final Examination); dan
4. Calon bagi lantikan hendaklah **memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN LANTIKAN

1. **Memiliki Kejujian sekurang-kurangnya C6 dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau mencapai aras minimum 3 dalam *Malaysia University English Test (MUET)*.**
2. Mencapai sekurang-kurangnya **CGPA 3.00** pada peringkat **ijazah sarjana muda**.

SYARAT TAMBAHAN LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L48

1. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** di **Gred 44** di dalam mana-mana Skim Perkhidmatan di bawah klasifikasi **Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman, dan Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan ; ATAU**
2. **Mempunyai tempoh pengalaman berkaitan sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun di sektor swasta;**
3. Memperoleh Markah Cemerlang iaitu **lapan puluh peratus (80%)** dalam Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun terakhir bagi pemohon yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam / Badan Berkanun.
4. **Keutamaan kepada calon yang memiliki kelayakan sebagai Pegawai Integriti Bertauliah (Certified Integrity Officer/CeIO)**

BIDANG/SKOP TUGAS

1. Memastikan kebebasan, iaitu menjalankan fungsi Unit Integriti dan Pematuhan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak;
2. Menasihati pengurusan dalam aspek integriti;
3. Menyediakan pelan tindakan integriti Universiti dengan berpandukan kepada Pelan Antirasuah

- Nasional;
4. Menyelaraskan, menyelia, memantau dan menilai program integriti Universiti;
 5. Melaksanakan program penandaarasan integriti dengan lain-lain agensi bagi tujuan penambahbaikan berterusan;
 6. Memastikan pematuhan kepada arahan/ peraturan/ undang-undang yang berkuat kuasa;
 7. Memastikan laporan pelaksanaan fungsi Unit Integriti dikemukakan kepada Lembaga Pengarah Universiti, Jawatankuasa Governan, Risiko dan Integriti dan SPRM mengikut kekerapan yang telah ditetapkan;
 8. Memastikan kesegeraan, kepakaran dan kecekapan dalam pengurusan risiko serta isu integriti di agensi;
 9. Mengelakkan elemen penolakan, tekanan, penyisihan, penafian atau tindakan tak wajar di pihak Universiti;
 10. Mengelakkan percanggahan kepentingan (conflict of interest) dalam segala hal berkaitan pelaksanaan tugas rasmi;
 11. Memastikan pelaksanaan, pembudayaan dan penginstitutionian integriti di Universiti; dan
 12. Menggerakkan hubungan baik dengan pihak Lembaga Pengarah Universiti dan Pengurusan Universiti bagi mengukuhkan kesedaran berkaitan rasuah serta pelanggaran integriti.
-

KOMPETENSI UMUM

1. **Kecemerlangan Akademik** : Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran (PhD) adalah satu kelebihan. Mendapat "command of respect" dari kalangan rakan sejawat. Mempunyai rekod cemerlang dalam pengurusan serta cemerlang dalam khidmat profesional.
2. **Kebolehan Memimpin & Mengurus** : Mempunyai people skill yang boleh menerajui transformasi. Mempunyai gagasan, visi dan misi selaras core business Universiti serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kerja cemerlang.
3. **Reputasi** : Menjadi role model kepada semua peringkat staf. Mempunyai pengalaman dan proven track record serta disanjung baik dan dihormati berdasarkan kredibilitinya oleh semua masyarakat kampus, organisasi di mana dia berkhidmat dan masyarakat luar.
4. **Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal** : Mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap dalam mentadbir pelbagai lapisan masyarakat kampus yang multicultural.
5. **Personaliti** : Seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, team player serta mempunyai semangat dalaman yang kuat untuk memacu kecemerlangan Universiti.

KOMPETENSI KHUSUS

1. **Berpengalaman dalam bidang perundangan atau integriti** : Berkemampuan dalam memberikan nasihat yang betul, tepat dan signifikan secara bertulis atau lisan kepada Lembaga Pengarah Universiti atau pihak berkepentingan mengenai apa-apa perkara yang berkaitan Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Pengesanan dan pengesahan aduan, salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika, Pengurusan Aduan, Pematuhan Undang-undang dan peraturan serta Tatatertib.
2. **Kepimpinan berteraskan nilai & etika** : (1) Memiliki dan mempraktikkan nilai dan etika yang tinggi dalam setiap tindakan serta menggalakkan prinsip ketelusan, keadilan, integriti dan profesionalisme dalam pengurusan organisasi secara keseluruhan; (2) Menegakkan prinsip-prinsip kepimpinan yang baik termasuk bersikap anti rasuah, berdisiplin tinggi dan sentiasa mempamerkan komitmen yang tinggi; (3) Membina dan menggalakkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat serta bebas daripada gangguan diskriminasi.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMPSA berasaskan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

SYARAT-SYARAT UMUM

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

TARAF JAWATAN

Jawatan akan dilantik secara Tetap / Kontrak.

UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian dengan mengisi maklumat pemohon di laman sesawang UMPSA, [E-recruitment UMPSA](#)

PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT

1. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Nilai Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18.
2. **Perhatian kepada pemohon daripada Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan selain Pihak Berkuasa Melantik Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).** Sekiranya tuan/puan ditawarkan jawatan dan bersetuju menerima tawaran tersebut, pelantikan ini adalah sebagai **pelantikan baharu**.

Sehubungan itu:

- a) Segala kekananan dan faedah perkhidmatan terdahulu, termasuk kemudahan cuti, **tidak akan diambil kira** kerana perbezaan Pihak Berkuasa Melantik, selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.
- b) Walau bagaimanapun, tempoh perkhidmatan tetap terdahulu **boleh dipertimbangkan untuk dicantumkan**, tertakluk kepada kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), bagi tujuan **pengiraan faedah persaraan sahaja**.

Sila hantarkan ke alamat berikut:

PUSAT PENGURUSAN BAKAT

**JABATAN PENDAFTAR CANSELERI TUN ABDUL RAZAK
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH
26600 PEKAN PAHANG DARUL MAKMUR**

(U/P : Unit Perjawatan Pentadbiran/Unit Perjawatan Akademik)

CATATAN AM

- a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga melalui emel yang telah berdaftar dengan UMPSA.
- b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

PERMOHONAN ATAS TALIAN

TARIKH BUKA

: 13/12/2019

TARIKH TUTUP

: 27/12/2019